

Bersih, Suaram kembali tuntutan IPCMC ditubuhkan
Malaysian Insider
July 8, 2014
OLEH LEE SHI-IAN

Badan bukan kerajaan (NGO) Gabungan Pilihan Raya Adil dan Bersih (Bersih 2.0) dan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) menggesa Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) ditubuhkan.

Pengarah Eksekutif Suaram Yap Swee Seng melahirkan rasa terkejut dengan keganasan polis terhadap perhimpunan Himpunan Hijau di kilang Lynas, Kuantan pada 22 Jun lalu.

Sekitar 1,000 peserta himpunan berkumpul di Gebeng, Kuantan.

"Salah seorang peserta demonstrasi dipukul dengan teruk oleh polis," kata Yap pada sidang media bersama Bersih 2.0.

"Kami menggesa kembali Putrajaya menubuhkan IPCMC kerana Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Siap) gagal.

"Polis tidak menghormati rakyat untuk hak berhimpun dan kebebasan bersuara," katanya. – 8 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-suaram-kembali-tuntut-ipcmc-ditubuhkan#sthash.xfiO9U5P.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-suaram-kembali-tuntut-ipcmc-ditubuhkan>